

PM seru pelajar tumpukan bidang industri dan teknologi

UM 26 JUN 1990

ARAU 25 Jun — Dato' Sri Dr. (Mahathir Mohamad) hari ini menyeru para pelajar memberi tumpuan kepada pendidikan yang berkaitan dengan bidang industri dan teknologi untuk menyiapkan diri mereka menjadi tenaga penggerak proses perindustrian negara.

Perdana Menteri berkata Malaysia kini memberi lebih tumpuan kepada bidang industri pengeluaran kerana ia lebih mendatangkan hasil berbanding dengan sektor pertanian serta dapat menampung bilangan pekerja yang ramai.

Beliau berkata dalam proses mengubah Malaysia dari sebuah negara pertanian kepada negara perindustrian lebih banyak jurutera, juruteknik, tukang - tukang yang berkemahiran perlu dilahirkan.

Berucap dalam perjumpaan dengan kira - kira 1,700 orang pelajar di Sekolah Menengah Datuk Sheikh Ahmad di sini, Perdana Menteri mengingatkan supaya jangan menyalahkan kerajaan kerana tidak mendapat pekerjaan sekiranya mereka mengambil bidang yang tidak cocok dengan pertumbuhan industri negara.

Perjumpaan itu diadakan sempena lawatan sehari Perdana Menteri di Perlis hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir menasihatkan para pelajar supaya jangan mengambil jalan mudah dengan memilih mata pelajaran yang mudah kerana mereka akan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan setelah mendapat ijazah.

Katanya kerajaan kini tidak lagi memberi tumpuan kepada bidang sastera sebaliknya tumpuan diberi kepada pendidikan yang berkaitan dengan bidang industri dan teknologi agar generasi akan datang bersiap sedia untuk menceburi bidang - bidang berkenaan.

Beliau juga menegur segolongan ibu bapa yang mendorong anak - anak supaya mengambil mata pelajaran yang mudah seperti bidang sastera kerana bidang - bidang berkenaan tidak lagi menjamin pekerjaan di masa akan datang.

Menurutnya dengan bilangan lepasan sekolah seramai 150,000 setahun sudah tentu generasi akan datang akan lebih sukar mendapat pekerjaan melainkan mereka memilih bidang yang sesuai dengan keperluan negara pada masa itu.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sekarang berada di tengah - tengah antara negara membangun yang sudah maju seperti Taiwan, Singapura dan Hong Kong dengan negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan negara - negara Eropah Barat.

Beliau menambah, usaha - usaha perlu dibuat supaya sekurang - kurangnya Malaysia menjadi negara membangun yang maju dan akhirnya menjadi negara maju dengan pendapatan perkapita penduduk setahun melebihi \$6,000 sebagaimana diperolehi sekarang.

"Usaha tersebut difikirkan amat perlu, kerana bukan sahaja dapat memberi kekayaan kepada negara, malah juga boleh menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat," ujarnya.

Menurut Perdana Menteri, dalam kajian yang dibuat menunjukkan satu ekar ladang getah atau kelapa sawit adalah lebih baik diganti kepada tapak sebuah kilang perindustrian yang dapat menyediakan antara 500 hingga 600 peluang pekerjaan.

Oleh
Ramli Ismail

"Tetapi untuk menjadi sebuah negara perindustrian yang mampu mengeluarkan barang dagangan mahal untuk jualan, negara juga memerlukan tenaga pekerja mahirnya sendiri seperti jurutera, juruteknik dan seumpamanya," tegas Dato' Sri Dr. Mahathir.

Tegas Perdana Menteri, adalah tidak mustahil satu masa kelak Malaysia boleh menjadi sebuah negara maju jika rakyatnya sendiri sanggup menghadapi segala bentuk cabaran, untuk mengeluarkan apa sahaja barangan sebagaimana sedang dihasilkan oleh negara - negara maju lain.

Peringkat permulaan, kata beliau, Malaysia telah menunjukkan kemampuannya mengeluarkan kereta yang kini mendapat pasaran baik dan lebih banyak barangan lagi dapat dikeluarkan pada masa akan datang.

Sementara itu, Perdana Menteri juga menyentuh tentang soal bahasa yang meminta para pelajar menumpukan bersama pelajaran bahasa Inggeris yang menjadi bahasa pengantar antarabangsa di samping mendaualatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Katanya, di sebalik menyanjungi bahasa kebangsaan negara sendiri, para pelajar juga harus mempelajari bahasa Inggeris untuk memudahkan mereka membuat hubungan antarabangsa dan menguruskan sesuatu di peringkat dunia luar.